

LAPORAN AKHIR PRAKTIKUM KAUNSELING
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA - SKUDAI

SHARIEAH NOOR SHAHANA BT SYED BIDIN

JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING
FAKULTI PENGURUSAN DAN ERONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2007

6125

1100053923

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

LP 57 FPE 1 2007



1100053923
Laporan akhir praktikum kaunseling di Universiti Teknologi
Malaysia, Skudai / Sharifah Noor Shahana Syed Bidin.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100053923

Iihat caholah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**LAPORAN AKHIR PRAKTIKUM KAUNSELING
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI**

SHARIFAH NOOR SHAHANA BT SYED BIDIN

**JABATAN PSIKOLOGI KAUNSELING
FAKULTI PENGURUSAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2007

1100053923

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini saya **Sharifah Noor Shahana Bt Syed Bidin UK9233** mengaku bahawa laporan praktikum kaunseling bagi Kursus KOG 4299 adalah hasil usaha saya sendiri tanpa meniru mana-mana pihak. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan pengalaman yang telah saya terima selama 6 bulan di Pusat Kaunseling dan Kerjaya, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Fakulti Pengurusan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu tidak terlibat dengan isi kandungan laporan ini.

Disediakan oleh:



Sharifah Noor Shahana Bt Syed Bidin
UK 9233
10 Mei 2007

Disahkan oleh:



Mohd Yusoff Bin Mohamad
Penyelia UMT
MOHD YUSOFF BIN MOHAMAD
Pensyarah
Jabatan Psikologi dan Kaunseling
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu.

PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH segala puji bagi Allah Tuhan Semesta Alam, dengan Taufiq dan 'InayahNya saya dapat menyempurnakan laporan bagi kursus KOG 4299 yang merupakan sebahagian syarat pengurniaan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- Ayahanda Syed Bidin dan bonda Tuan Manis yang sentiasa menemani dengan doa dan kasih sayang.
- Kekanda-kekanda yang telah menghulurkan sumbangan tenaga, moral dan material demi kejayaan saya di dalam pengajian.
- Encik Mohd Yusof bin Mohamad selaku penyelia praktikum yang sudi meluangkan masa dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan ini.
- Yang Berbahagia Profesor Mohd Tajudin bin Ninggal, Pengarah Pusat Kaunseling dan Kerjaya, juga sebagai penyelia kedua latihan praktikum, di atas kesudian menerima saya sebagai kaunselor pelatih di PKK, UTM Skudai.
- Semua pegawai dan staff PKK, UTM Skudai
- Semua pegawai dan staff Perpustakaan Sultanah Zanariah
- Klien-klien yang sudi berkongsi masalah
- Semua yang membantu secara langsung maupun tidak langsung

Semoga setiap sumbangan tenaga, moral, material, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan dikira sebagai amal salih di sisi Allah dan mendapat ganjaran yang berlipat ganda di sisiNya .

ABSTRAK

Laporan praktikum ini menerangkan tentang segala aspek pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang digarap oleh kaunselor pelatih sepanjang menjalani praktikum di Pusat Kaunseling dan Kerjaya, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Sepanjang tempoh praktikum ini kaunselor pelatih telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran melalui program-program yang dikendalikan sama ada internal atau external organisasi ini. Bersesuaian dengan kedudukan kaunselor pelatih yang sedang menjalani praktikum bagi memenuhi syarat pengurniaan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian, kaunselor pelatih ditugaskan untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok yang menjadi *core business* di organisasi. Di samping itu, kaunselor pelatih juga melibatkan diri dalam program-program yang relevan dengan kaunseling yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran organisasi, di antaranya menjadi pengurus majlis selain menjalankan aktiviti-aktiviti pentadbiran lain. Pelaksanaan tugas ini mampu memantapkan serta mempertingkatkan kemahiran kaunselor pelatih dalam usaha menjadi seorang kaunselor yang berkaliber apabila menamatkan pengajian nanti. Pemantapan ini adalah dari aspek pengendalian dan pentadbiran sesi kaunseling individu dan kelompok, pengaplikasian teori dan pendekatan kaunseling, pengaplikasian kemahiran-kemahiran asas kaunseling dan juga '*attending behaviour*'. Selain itu juga, selama enam bulan kaunselor pelatih di sini, beberapa permasalahan berkaitan dengan masalah pengurusan dan pentadbiran organisasi dan masalah yang berkaitan dengan pelajar-pelajar UTM dapat dikenalpasti. Justeru, kaunselor pelatih menyenaraikan beberapa altenatif yang boleh dipertimbangkan bagi mengatasi permasalahan tersebut. Ia adalah berdasarkan perspektif kaunselor pelatih sendiri. Alternatif ini dikemukakan dengan harapan pihak PKK dapat membuat *post-mortem* terhadap beberapa permasalahan yang mencacatkan ketuhan PKK jika dibiarkan berterusan. Ia adalah demi meningkatkan tahap profesionalisme dan memperbaiki kualiti perkhidmatan yang telah disediakan oleh PKK di sebuah IPTA tersohor seperti UTM.